

# Lelaki dipenjarakan 30 tahun dan 15 sebatan kerana mengedar dadah

**KUCHING:** Seorang lelaki dihukum penjara 30 tahun dan 15 sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan mengedar 527.0 gram dadah jenis Methamphetamine dan memiliki dua lagi jenis dadah seberat 108.88 gram.

Hakim Dean Wayne Daly memerintahkan Thien Siaw Min, 38, menjalani hukuman penjara dari tarikh dia ditangkap pada 13 Julai 2024.

Dalam keputusannya, Dean berkata pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan yang munasabah.

Oleh itu katanya, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

Mengikut pertuduhan per-

tama, tertuduh didakwa mengedar 527.0 gram Methamphetamine pada 13 Julai 2024 sekitar jam 10.30 malam di sebuah pangsapuri mewah di Kuching Central Land District, Jalan Stutong Baru di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup jika tidak dikenakan hukuman mati dan boleh disebat tidak lebih daripada 15 sebatan, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia didakwa mengikut Seksyen 12 (2) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta sama yang

memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kedua-dua pertuduhan itu menyaksikan dia memiliki dadah jenis Methylenedioxyamphetamine (MDMA) dan Ketamine, masing-masing seberat 4.26 gram serta 104.62 gram di lokasi dan tarikh sama.

Sepanjang perbicaraan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fil-lanny Siji, pihak pendakwaan telah memanggil lapan saksi pendakwaan manakala pihak pembelaan mengemukakan dua saksi iaitu tertuduh dan isterinya bagi menyokong kes pembelaan.

Tertuduh diwakili peguam Steven Beti dan Gerald Empaling Donald.